



**KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**

**KENYATAAN MEDIA
PENAWARAN PEKERJAAN DIKLANKAN DALAM TALIAN DI MALAYSIA
SUKE TAHUN KEDUA 2023**

Kekosongan jawatan diiklankan dalam talian melonjak 23.5 peratus pada suku tahun kedua 2023 dengan merekodkan 261,231 kekosongan

PUTRAJAYA, 30 NOVEMBER 2023 - Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah menyiaran **Analisis Data Raya Job Market Insights dan My Job Profile: Penawaran Pekerjaan Diiklankan Dalam Talian di Malaysia**, bagi suku tahun kedua 2023. Analisis suku tahunan ini memaparkan statistik yang disusun berdasarkan kekosongan jawatan yang diiklankan dalam talian oleh beberapa portal pekerjaan swasta yang popular. Analisis ini juga menyediakan maklumat kekosongan jawatan yang ditawarkan oleh majikan secara dalam talian daripada pelbagai aspek seperti jenis pekerjaan, profil pekerjaan, aktiviti ekonomi, negeri dan kemahiran.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Bilangan kekosongan jawatan diiklankan dalam talian melonjak 23.5 peratus pada suku tahun kedua 2023 (ST1 2023: 3.5%) dengan merekodkan 261,231 kekosongan (ST1 2023: 211,509). Pada suku ini, terdapat 70,571 pertubuhan yang menawarkan kekosongan jawatan, peningkatan ketara daripada 55,006 pertubuhan yang dilaporkan pada suku tahun sebelumnya. Sementara itu, kekosongan jawatan mencatatkan pertumbuhan tahun ke tahun sebanyak 29.3 peratus pada ST2 2023 berbanding peningkatan tahunan 32.9 peratus pada ST1 2023 (**Carta 1**). Mengikut perincian bulanan, kebanyakan iklan telah disiarkan pada Mei 2023 dengan 109,262 kekosongan. Selain itu, terdapat 103,826 dan 48,143 kekosongan jawatan masing-masing pada Jun dan April 2023."

Dari segi pengagihan kekosongan jawatan mengikut kategori pekerjaan, Profesional merupakan penyumbang terbesar pada suku tersebut dengan 48.1 peratus atau 125,625 kekosongan jawatan (**Paparan 1**). Ini diikuti oleh Juruteknik dan Profesional Bersekutu (18.3%), Pengurus (15.1%) dan Pekerja Perkhidmatan dan Jualan (6.9%). Oleh itu, jawatan yang mendapat permintaan tinggi pada suku tersebut adalah Profesional Pengiklanan dan Pemasaran (20,846), Pengarah Urusan dan Ketua Eksekutif (12,703), Profesional Bersekutu Pentadbiran (12,284), Akauntan dan Juruaudit (10,781) dan Pembangun Perisian (7,779).

Bagi kekosongan jawatan mengikut sektor ekonomi, Perkhidmatan merupakan penyumbang terbesar kekosongan jawatan diiklankan dalam talian dengan 59.0 peratus yang mencatatkan sejumlah 154,134 kekosongan pada ST2 2023 (**Paparan 2**). Selain itu, kesemua aktiviti ekonomi mencatatkan pertambahan dalam bilangan kekosongan jawatan pada ST2 2023 kecuali Kesenian, Hiburan dan Rekreasi; Perlombongan dan Pengkuarian; Aktiviti Perkhidmatan Lain; Bekalan Elektrik, Gas, Wap dan Pendingin Udara; dan Bekalan Air; Pembetungan, Pengurusan Sisa dan Aktiviti Pemulihan. Sementara itu, dapat diperhatikan bahawa Perdagangan Borong dan Runcit mendominasi kekosongan jawatan dengan 18.2 peratus atau 47,597 kekosongan. Pembuatan merekodkan sebanyak 27,429 kekosongan (10.5%), diikuti Aktiviti Profesional, Saintifik dan Teknikal pada 18,667 kekosongan (7.1%) dan Aktiviti Kewangan dan Insurans/Takaful dengan 18,665 kekosongan (7.1%).

Selanjutnya, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Dari perspektif pekerjaan popular yang ditawarkan dalam kategori Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), Profesional Pengiklanan dan Pemasaran mencatatkan kekosongan jawatan tertinggi iaitu 20,846 (**Paparan 3**). Ini diikuti oleh Profesional Bersekutu Pentadbiran (12,284) dan Pembangun Perisian (7,779). Sementara itu, tiga (3) pekerjaan teratas dalam kategori Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) adalah Juruteknik (2,758), Pengurus Projek (2,171) dan Jurutera Perisian (2,098). Bagi Senarai Pekerjaan Kritikal (COL), permintaan tertinggi adalah Profesional Pengiklanan dan Pemasaran (20,846), Pengarah Urusan dan Ketua Eksekutif (12,703) dan Akauntan dan Juruaudit (10,781)."

Mengenai situasi kekosongan jawatan di peringkat negeri, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur terus merekodkan kekosongan jawatan tertinggi pada suku tersebut dengan 59,222 jawatan (22.7 peratus). Selangor berada di kedudukan kedua dengan sumbangan 7.8 peratus atau 20,438 kekosongan jawatan. Ini diikuti oleh Johor yang meliputi 4.4 peratus atau 11,436 kekosongan. Sebaliknya, Perlis mencatatkan bilangan kekosongan jawatan terendah dengan 91 iklan pada ST2 2023 (**Paparan 4**).

Berdasarkan keperluan kemahiran dalam pasaran kerja, statistik menunjukkan permintaan tinggi bagi kemahiran insani dalam kalangan majikan terdiri daripada penguasaan Bahasa Inggeris, komunikasi yang efektif, penguasaan Bahasa Malaysia, keupayaan merancang dan kemahiran pemasaran. Selain itu, terdapat penekanan yang semakin meningkat terhadap kemahiran teknikal iaitu penguasaan Bahasa Mandarin, keupayaan menganalisis, kecekapan dalam Microsoft Office, kepakaran pemfailan dan kemahiran pengurusan projek (**Paparan 5**). Sehubungan itu, bagi mengukuhkan peluang pekerjaan di kalangan pencari kerja, adalah penting untuk membina dan menyelaraskan kemahiran tersebut secara konsisten mengikut keperluan semasa pasaran kerja yang dinamik.


Analisis data raya ini bermanfaat kepada pengguna terutamanya golongan pencari kerja. Pencari kerja boleh mendapatkan informasi perincian mengenai penawaran pekerjaan diiklankan dalam talian di Malaysia melalui laman sesawang <http://www.dosm.gov.my/bda-jmi> and <http://myjobprofile.dosm.gov.my>.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


DOSM akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Mohon layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian”.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.

Carta 1: Kekosongan Jawatan Diiklankan dalam Talian, ST3 2019 - ST2 2023




Paparan 1: Kekosongan Jawatan Diiklankan dalam Talian mengikut Pekerjaan, ST1 2023 - ST2 2023



Paparan 2: Kekosongan Jawatan Diiklankan dalam Talian mengikut Aktiviti Ekonomi, ST1 2023 - ST2 2023


 Perdagangan Borong & Runcit 47,597 35,956	 Pembuatan 27,429 21,499	 Aktiviti Profesional, Sainsifik & Teknikal 18,667 13,852	 Aktiviti Kewangan & Insurans/Takaful 18,665 13,326	 Aktiviti Pentadbiran & Khidmat Sokongan 17,294 11,026	 Pembinaan 14,841 11,877
 Penginapan & Aktiviti Perkhidmatan Makanan & minuman 14,073 10,311	 Maklumat & Komunikasi 11,072 9,309	 Pendidikan 5,943 5,350	 Pengangkutan & Penyimpanan 4,887 3,552	 Aktiviti Kesihatan Kemanusiaan & Kerja Sosial 4,825 3,592	 Aktiviti Perkhidmatan Lain 4,448 4,517
 Aktiviti Hartanah 4,252 3,362	 Pentadbiran Awam & Pertahanan 1,084 572	 Pertanian, Perhutanan & Perikanan 938 829	 Kesenian, Hiburan & Rekreasi 754 878	 Perlombongan & Pengkuarian 490 581	 Bekalan Air; Pembentungan 410 411
 Bekalan Elektrik, Gas, Wap & Pendingin Udara 114 128		 Aktiviti Isi Rumah sebagai Majikan 49 21		■ ST2 2023 □ ST1 2023	

Paparan 3: Kekosongan Jawatan Tertinggi Diiklankan dalam Talian mengikut TVET, STEM dan COL, ST1 2023 - ST2 2023



EMBARGO: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Khamis, 30 November 2023

Paparan 4: Kekosongan Jawatan Diiklankan dalam Talian mengikut Negeri, ST1 2023 - ST2 2023



Paparan 5: Permintaan kemahiran insani dan kemahiran teknikal, ST2 2023



Nota: Statistik dari laporan ini hendaklah ditafsirkan dengan berhati-hati disebabkan keterbatasan data analisis data raya (menggunakan kaedah *web scraping*) dan tidak menggambarkan populasi sebenar kekosongan jawatan.

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
30 NOVEMBER 2023**



**MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA**

**MEDIA STATEMENT
JOB VACANCIES ADVERTISED ONLINE IN MALAYSIA
SECOND QUARTER OF 2023**

Job vacancies advertised online surged 23.5 per cent in the second quarter of 2023 to record 261,231 vacancies

PUTRAJAYA, NOVEMBER 30, 2023 - Today, the Department of Statistics Malaysia (DOSM) released ***Big Data Analytics Job Market Insights and My Job Profile: Job Vacancies Advertised Online in Malaysia***, for the second quarter of 2023. The quarterly analysis features statistics compiled based on job vacancies advertised online by several popular private recruitment portals. The analysis also provides information on job vacancies offered by employers via online from various aspects such as job type, job profile, economic activity, state and skills.

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, “The number of job vacancies advertised online surged 23.5 per cent in the second quarter of 2023 (Q1 2023: 3.5%) to record 261,231 vacancies (Q1 2023: 211,509). During this quarter, there were 70,571 establishments offered job vacancies, a notable increase from 55,006 establishments reported in the preceding quarter. In the meantime, job vacancies registered a year-on-year increase of 29.3 per cent in Q2 2023 compared to a 32.9 per cent annual rise in Q1 2023 (**Chart 1**). Further disaggregation by month, most of the advertisement were posted in May 2023 with 109,262 vacancies. Additionally, there were 103,826 and 48,143 vacancies in June and April 2023, respectively.”

In terms of the distribution of job vacancies by occupation category, Professionals accounted the largest share during the quarter with 48.1 per cent or 125,625 vacancies (**Exhibit 1**). This was followed by Technicians and Associate Professionals (18.3%), Managers (15.1%) and Service and Sales Workers (6.9%). Consequently, the most in-demand jobs during the quarter were Advertising and Marketing Professionals (20,846), Managing Directors and Chief Executives (12,703), Administrative Associate Professionals (12,284), Accountants and Auditors (10,781) and Software Developers (7,779).

As for job vacancies by economic sector, Services formed the largest percentage share of job vacancies advertised online at 59.0 per cent by registering a total of 154,134 vacancies in Q2 2023 (**Exhibit 2**). On the other hand, all economic activities recorded addition in the number of job vacancies in Q2 2023 except for Arts, Entertainment and Recreation; Mining and Quarrying; Other Service Activities; Electricity, Gas, Steam and Air Conditioning Supply; and Water Supply; Sewerage, Waste Management and Remediation Activities. In the meantime, it was observed that Wholesale and Retail Trade dominated the vacancies with 18.2 per cent or 47,597 jobs. Manufacturing recorded a total of 27,429 vacancies (10.5%), followed by Professional, Scientific and Technical Activities at 18,667 vacancies (7.1%) and Financial and Insurance/Takaful Activities with 18,665 vacancies (7.1%).

Adding to this, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "From the perspective of popular jobs offered in the Technical and Vocational Education and Training (TVET) category, Advertising and Marketing Professionals registered the highest number of vacancies with 20,846 (**Exhibit 3**). This was followed by Administrative Associate Professionals (12,284) and Software Developers (7,779). Meanwhile, the top three (3) positions in the Science, Technology, Engineering and Mathematics (STEM) category were Technician (2,758), Project Manager (2,171) and Software Engineer (2,098). As for Critical Occupation List (COL), the highest demand was Advertising and Marketing Professionals (20,846), Managing Directors and Chief Executives (12,703) and Accountants and Auditors (10,781)."

Concerning the job vacancy situation at the state level, Federal Territory of Kuala Lumpur continued to record the highest vacancies during the quarter with 59,222 positions (22.7%). Selangor ranked second with a share of 7.8 per cent or 20,438 vacancies. This was followed by Johor which composed 4.4 per cent or 11,436 vacancies. On the contrary, Perlis registered the lowest number of vacancies with 91 advertisements in Q2 2023 (**Exhibit 4**).

Regarding the most in-demand skills in the job market, statistics reveal a high demand for soft skills among employers comprises of proficiency in English, effective communication, Bahasa Malaysia proficiency, planning capabilities and marketing skills. Furthermore, there is an increasing emphasis on hard or technical skills namely Mandarin proficiency, analysis abilities, proficiency in Microsoft Office, filing expertise and project management skills (**Exhibit 5**). Therefore, to enhance job opportunities for job seekers, it is important to consistently develop and align these skills with the current requirements of the dynamic job market.

The big data analytics is beneficial to users, especially job seekers. Job seekers can get detailed information on job offers advertised online in Malaysia through the website <http://www.dosm.gov.my/bda-jmi> and <http://myjobprofile.dosm.gov.my>.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalog of data and visualisations to facilitate users' analysis of various data and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM will conduct the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is "Agriculture Census, Key to Agriculture Development".

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life".

Chart 1: Job Vacancies Advertised Online, Q3 2019 - Q2 2023




Exhibit 1: Job Vacancies Advertised Online by Occupation, Q1 2023 - Q2 2023



Exhibit 2: Job Vacancies Advertised Online by Economic Activity, Q1 2023 - Q2 2023



 Wholesale & Retail Trade 47,597 35,956	 Manufacturing 27,429 21,499	 Professional, Scientific & Technical Activities 18,667 13,852	 Financial & Insurance/Takaful Activities 18,665 13,326	 Administrative & Support Service Activities 17,294 11,026	 Construction 14,841 11,877
 Accommodation & Food Service Activities 14,073 10,311	 Information & Communication 11,072 9,309	 Education 5,943 5,350	 Transportation & Storage 4,887 3,552	 Human Health & Social Work Activities 4,825 3,592	 Other Service Activities 4,448 4,517
 Real Estate Activities 4,252 3,362	 Public Administration & Defence 1,084 572	 Agriculture, Forestry & Fishing 938 829	 Arts, Entertainment & Recreation 754 878	 Mining & Quarrying 490 581	 Water Supply, Sewerage 410 411
		 Electricity, Gas, Steam & Air Conditioning Supply 114 128		 Activities of Household as Employers 49 21	
					 Q2 2023  Q1 2023

Exhibit 3: Job Vacancies Advertised Online by TVET, STEM and COL, Q1 2023 - Q2 2023




Exhibit 4: Job Vacancies Advertised Online by State, Q1 2023 - Q2 2023





Exhibit 5: Most in-demand of soft skills and hard skills, Q2 2023



Note: The statistics from this report must be interpreted with caution due to the data limitation as it is gathered via big data analytics (using web scraping techniques) and does not reflect the actual population of job vacancies.

Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
30 NOVEMBER 2023**